

MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS
KENYATAAN TAWARAN

NO. SEBUT HARGA : MPK.Ps. SULIT 479

BERTARIKH : 11 JULAI 2025

- Tawaran adalah dipelawa kepada **KONTRAKTOR BUMIPUTERA TEMPATAN YANG BERDAFTAR DI NEGERI PERLIS** dengan **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (LPIPM / CIDB)** dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran bagi kerja berikut :-

SYARAT PENDAFTARAN	BUTIRAN TAWARAN	TAKLIMAT TAPAK
<p>GRED G1</p> <p>KATEGORI B DAN CE</p> <p>PENGKHUSUSAN B04 KERJA-KERJA PEMBINAAN BANGUNAN DAN CE21 PEMBINAAN KEJURUTERAAN AWAM</p>	SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA MEMBINA 1 (SATU) TINGKAT KABIN PEMANDU DAN SURAU (L&P) SERTA MENAIKTARAF TANDAS SEDIA ADA DI MAJLIS PERBANDARAN KANGAR	<p>TARIKH : 16 JULAI 2025 (RABU)</p> <p>MASA : 9.00 PAGI - 9.20 PAGI (PENDAFTARAN)</p> <p>TEMPAT : BELAKANG PEJABAT MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS</p>

- Taklimat dan lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN DAN PERLU DIHADIRI OLEH PENAMA YANG DITAULIAHKAN SEPERTI NAMA DALAM SIJIL PENDAFTARAN** sahaja. **WAKIL-WAKIL KONTRAKTOR ADALAH TIDAK DIBENARKAN**. Kontraktor perlu menunggu sehingga selesai taklimat dan lawatan tapak seperti yang diarahkan oleh Pihak Majlis. Sila bawa bersama **SIJIL-SIJIL PENDAFTARAN SEPERTI SIJIL TARAF BUMIPUTERA (PKK), SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN (CIDB), SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (CIDB) DAN SURAT KEBENARAN KHAS (CIDB) (JIKA BERKAITAN) SERTA DOKUMEN PENGENALAN DIRI DAN COP SYARIKAT** semasa taklimat dan lawatan tapak untuk pendaftaran.
- Semasa pembelian dokumen tawaran, **PENAMA YANG DITAULIAHKAN SEPERTI NAMA DALAM SIJIL PENDAFTARAN (SILA BAWA DOKUMEN PENGENALAN DIRI)** perlu menyerahkan SATU (1) SALINAN SIJIL-SIJIL PENDAFTARAN SEPERTI SIJIL TARAF BUMIPUTERA (PKK), SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN (CIDB), SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (CIDB) DAN SURAT KEBENARAN KHAS (CIDB) (JIKA BERKAITAN).
- Naskah dokumen tawaran boleh dibeli dengan harga **RM 50.00** daripada **UNIT PEROLEHAN, MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS** di alamat **NO. 192, PERSIARAN JUBLI EMAS, 01000 KANGAR, PERLIS** mulai daripada :-

 - A) **TARIKH PENJUALAN DOKUMEN** : 18 JULAI 2025 (JUMAAT) - 22 JULAI 2025 (SELASA)
 - B) **TARIKH TUTUP PENGHANTARAN DOKUMEN** : 24 JULAI 2025 (KHAMIS)
(TIDAK LEWAT DARI JAM 12.00 TENGAHARI)
 - C) **MASA PENJUALAN DOKUMEN** : 8.30 PAGI - 3.45 PETANG
 - D) **WAKTU REHAT** : 1.00 TENGAHARI - 2.15 PETANG (ISNIN - KHAMIS)
: 12.00 TENGAHARI - 2.45 PETANG (JUMAAT)

- DOKUMEN TAWARAN ASAL** yang telah dipenuhi dengan sempurna, hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakari dan bertulis **NO. SEBUT HARGA** dan **BUTIRAN TAWARAN** pada sampul surat serta dihantar supaya sampai ke **PETI TAWARAN DI MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS** tidak lewat dari jam **12.00 TENGAHARI**. Dokumen tawaran yang diserahkan selepas tarikh dan masa yang ditetapkan berbangkit dari apa jua sebab tidak akan dilayan.
- Majlis tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah sekali atau mana-mana tawaran.